

**TERBUKA**

**LAPORAN**

**PENGAUDITAN BERKENAAN PEMBAYARAN GRATUITI  
OLEH MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADANAN)  
DAN ANAK-ANAK SYARIKAT MENTERI BESAR  
SELANGOR (PEMERBADANAN)**

SULIT

LAPORAN

**PENGAUDITAN BERKENAAN PEMBAYARAN GRATUITI OLEH MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADANAN) DAN ANAK-ANAK SYARIKAT MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADANAN)**

---

**1.0 TUJUAN**

Laporan ini adalah bertujuan bagi memaklumkan penemuan pasukan audit bagi Pengauditan Berkenaan Pembayaran Gratuiti Oleh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) dan Anak-anak Syarikat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan).

**2.0 LATAR BELAKANG.**

2.1 Perbendaharaan Negeri Selangor Bahagian Audit Dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah melaksanakan pengauditan berkenaan pembayaran gratuiti oleh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) dan Anak-anak Syarikat MBI pada 9 Oktober 2014 bertempat di Pejabat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI), Tingkat 14, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah melalui surat bertarikh 8 Oktober 2014 dengan nombor rujukan Bil. (14) PWN.SEL.SULIT.133. Jld V.

2.2 Pasukan audit adalah dianggotai oleh pegawai-pegawai berikut:-

2.2.1 En Azal bin Adzhar - Ketua  
Bendahari Negeri  
Perbendaharaan Negeri Selangor

2.2.2 Pn Lailatun binti Abdul Hamid - Ahli  
Ketua Audit Dalam  
Bahagian Audit Dalam  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

- 2.2.3. Pn Nik Azrimah binti Abdul Ghafar - Ahli  
Ketua Penolong Bendahari Negeri (Akaun)  
Bahagian Akaun  
Perbendaharaan Negeri Selangor
- 2.2.4 Pn Fazline binti Mohd Saleh - Ahli  
Penolong Ketua Audit Dalam  
Bahagian Audit Dalam  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- 2.2.5 Pn Nur Nazirah binti Mat Jusoff - Ahli  
Penolong Juruaudit  
Bahagian Audit Dalam  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

**TERBUKA**

- 2.3 Pengauditan dijalankan bertujuan untuk menyemak dokumen asal berkaitan pembayaran gratuiti oleh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) dan Anak-anak Syarikat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan).
- 2.4 Skop pengauditan melibatkan pembayaran gratuiti kepada lapan (8) orang pegawai dan kakitangan MBI yang ditamatkan perkhidmatan pada 23 September 2014.
- 2.5 Metodologi pengauditan adalah:-
- 2.5.1 semakan dokumen berkaitan kelulusan dan pembayaran gratuiti;  
dan
- 2.5.2 temu bual ke atas pegawai MBI bagi tujuan pengesahan.

SULIT

### 3.0 PENEMUAN AUDIT

3.1. Penamatan lapan (8) kakitangan kontrak MBI berkuat kuasa 23 September 2014 yang menerima bayaran pampasan dan bayaran ganti notis adalah melibatkan pegawai-pegawai berikut:-

Bil	Nama Pegawai	Surat penamatan ditandatangani oleh
1	Puan Faekah Binti Haji Husin Ketua Pegawai Eksekutif MBI	Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim (Pengerusi MBI)
2	Puan Rohany Binti Dato' Talib Ketua Pegawai Operasi MBI	<b>TERBUKA</b>  Faekah Binti Haji Husin (Ketua Pegawai Eksekutif MBI)
3	Puan Arfa'eza Binti Abdul Aziz Setiausaha Akhbar Kepada Dato' Menteri Besar Selangor MBI	
4	Tuan Haji Mustapha Bin Mohd Taib Setiausaha Politik MBI	
5	Puan Rahimah Binti Kamarudin Pegawai Koordinasi MBI	
6	Tuan Dr Sulaiman Bin Masri Pegawai Khas Media MBI	
7	Tuan Nazuri Bin Tuan Ismail Pegawai Akhbar MBI	
8	Encik Abdul Halim Bin Mohamed Yusof Pengurus Kanan Penyelidikan Ekonomi MBI	

Sumber: Surat Penamatan Kontrak bertarikh 20 September 2014 dengan rujukan MBI.Sel.237/09(2014)/ss

SULIT

3.2. Mesyuarat Lembaga Pengarah MBI yang diadakan pada 25 Ogos 2014 telah dimaklumkan bahawa bayaran pampasan diberikan kepada pegawai dan kakitangan Ahli Dewan Undangan Negeri pada asas 17.5% dari gaji bulanan bagi tempoh bulan yang telah berkhidmat. Mesyuarat Lembaga Pengarah MBI tersebut telah meluluskan secara dasar:-

- 3.2.1. cadangan pembayaran ganti notis kepada semua kakitangan MBI berjawatan kontrak seperti yang dinyatakan dalam surat pelantikan kakitangan MBI; dan
- 3.2.2. skim pemberhentian secara sukarela (*Voluntary Separation Scheme*) (VSS) digunapakai ke atas kakitangan di 3.2.1. Pengurusan diminta untuk mengemukakan beberapa opsyen bagi nilai dan perkiraan VSS tersebut dalam masa terdekat untuk dilaksanakan.

(Sumber - Cabutan Daripada Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) MBI 04/2014 Yang Diadakan Pada 25 Ogos 2014 Bertempat Di Bilik Mesyuarat Kenanga, Tingkat 21, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40503 Shah Alam, Selangor.

3.3. Sehubungan itu, satu memo bertajuk Penamatan Pegawai Kontrak di Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) telah disediakan oleh Ketua Pegawai Operasi kepada Pengerusi MBI pada 20 September 2014 memaklumkan perkiraan pampasan adalah berpandukan kepada cadangan Dewan Undangan Negeri Selangor yang diperuntukkan kepada pegawai Exco Dewan yang ditamatkan perkhidmatan. Perkiraan yang dibuat berpandukan kepada tiga (3) dasar seperti berikut:-

- 3.3.1. perkiraan atas dasar 17% sebulan gaji yang terakhir didarabkan dengan jumlah bulan yang telah berkhidmat.

SULIT

3.3.2. perkiraan atas dasar 25% sebulan gaji yang terakhir didarabkan dengan jumlah bulan yang telah berkhidmat.

3.3.3. perkiraan atas dasar 30% sebulan gaji yang terakhir didarabkan dengan jumlah bulan yang telah berkhidmat.

Minit Pengerusi MBI – “*Setuju dilaksanakan*”. Sumber – Memo bertajuk Penamatan Pegawai Kontrak di Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) daripada Ketua Pegawai Operasi MBI kepada Pengerusi MBI bertarikh 20 September 2014.

3.4. Satu memo telah disediakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MBI kepada Pengerusi MBI pada 20 September 2014 mencadangkan:-

**TERBUKA**

3.4.1. semua pegawai kontrak dibayar tiga (3) bulan gaji sebagai notis penamatan kontrak sebagaimana yang termaktub di dalam surat tawaran kerja masing-masing.

3.4.2. bagi pegawai yang telah berkhidmat melebihi empat (4) tahun bersama YAB Dato' Menteri Besar Selangor dan Pengerusi MBI turut diberikan bayaran pampasan mengikut perkiraan 30% sebulan gaji terakhir didarabkan dengan jumlah bulan yang telah berkhidmat.

Minit Pengerusi MBI bertarikh 22 September 2014 – “*Puan Rohany, setuju dilaksanakan*”. Sumber – Memo bertajuk Penamatan Pegawai Kontrak di Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) daripada Ketua Pegawai Eksekutif MBI kepada Pengerusi MBI bertarikh 20 September 2014.

3.5. Cadangan pembayaran yang diputuskan melalui minit-minit Pengerusi MBI yang masing-masingnya bertarikh 20 dan 22 September 2014 tidak dibawa semula untuk pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengarah MBI.

3.6. Perincian bayaran pampasan dan bayaran ganti notis yang dibuat pada 22 September 2014 walaupun tarikh penamatan kontrak berkuat kuasa pada 23 September 2014 adalah seperti berikut:

Bil	Nama Pegawai	Bayaran Pampasan	Bayaran Ganti Notis (3 bulan Gaji)	Jumlah
		RM	RM	RM
1	Puan Faekah Binti Haji Husin	581,400.00	114,000.00	695,400.00
2	Puan Rohany Binti Dato' Talib	455,400.00	69,000.00	524,400.00
3	Puan Arfa'eza Binti Abdul Aziz	357,825.00	55,050.00	412,875.00
4	Tuan Haji Mustapha Bin Mohd Talib	235,170.00	30,150.00	265,320.00
5	Puan Rahimah Binti Kamarudin	231,150.00	34,500.00	265,650.00
6	Tuan Dr Sulaiman Bin Masri	158,067.00	24,318.00	182,385.00
7	Tuan Nazuri Bin Tuan Ismail	97,200.00	18,000.00	115,200.00
8	Encik Abdul Halim Bin Mohamed Yusof	155,250.00	31,050.00	186,300.00
<b>JUMLAH</b>		<b>2,271,462.00</b>	<b>376,068.00</b>	<b>2,647,530.00</b>

Sumber:- Surat Arahan Pembayaran kepada Affin Bank Berhad bertarikh 22 September 2014.

SULIT

3.7. Perincian pengiraan oleh pengurusan MBI bagi bayaran pampasan yang dibuat pada 22 September 2014 adalah seperti berikut:-

Bil	Nama Pegawai	Bilangan Bulan Berkhidmat	Gaji Pokok Bulanan	30 % Bayaran Pampasan dari Sebulan Gaji	Bayaran Pampasan
		A	B	C = 30% X B	D = A X C
		Bulan	RM	RM	RM
1	Puan Faekah Binti Haji Husin	51 Bulan Lantik –01.07.2010 Tamat – 23.09.2014	38,000.00	11,400.00	581,400.00
2	Puan Rohany Binti Dato' Talib	66 Bulan Lantik –24.03.2009 Tamat – 23.09.2014	23,000.00	6,900.00	455,400.00
3	Puan Arfa'eza Binti Abdul Aziz	65 Bulan Lantik –01.05.2009 Tamat – 23.09.2014	18,350.00	5,505.00	357,825.00
4	Tuan Haji Mustapha Bin Mohd Talib	78 Bulan Lantik –01.04.2008 Tamat – 23.09.2014	10,050.00	3,015.00	235,170.00
5	Puan Rahimah Binti Kamarudin	67 Bulan Lantik –02.03.2009 Tamat – 23.09.2014	11,500.00	3,450.00	231,150.00
6	Tuan Dr Sulaiman Bin Masri	65 Bulan Lantik –01.05.2009 Tamat – 23.09.2014	8,106.00	2,431.80	158,067.00

**TERBUKA**



SULIT

Bil	Nama Pegawai	Bilangan Bulan Berkhidmat	Gaji Pokok Bulanan	30 % Bayaran Pampasan dari Sebulan Gaji	Bayaran Pampasan
		A	B	C = 30% X B	D = A X C
		Bulan	RM	RM	RM
7	Tuan Nazuri Bin Tuan Ismail	54 Bulan Lantik –15.02.2010 Tamat – 23.09.2014	6,000.00	1,800.00	97,200.00
8	Encik Abdul Halim Bin Mohamed Yusof	50 Bulan Lantik –14.07.2010 Tamat – 23.09.2014	10,350.00	3,105.00	155,250.00
		<b>JUMLAH</b>			<b>2,271,462.00</b>

Sumber:-

- i) Tarikh Pelantikan - Surat Pelantikan oleh Pejabat Dato' Menteri Besar Selangor / MBI/ Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.
- ii) Gaji Bulanan – Penyata Pembayaran Gaji Bulan Ogos 2014.
- iii) 30% Bayaran Pampasan - Memo bertajuk Penamatan Pegawai Kontrak di Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) daripada Ketua Pegawai Eksekutif MBI kepada Pengerusi MBI bertarikh 20 September 2014.
- iv) Bayaran pampasan - Surat Arahan Pembayaran kepada Affin Bank Berhad bertarikh 22 September 2014.

SULIT

3.8. Perincian perkhidmatan di Pejabat Menteri Besar Selangor dan MBI bagi kakitangan/pegawai yang terlibat adalah seperti berikut:-

Bil	Nama Pegawai	Bilangan Bulan Berkhidmat		Jumlah Bulan
		Pejabat Dato' MB	MBI	
1	Puan Faekah Binti Haji Husin	38 Bulan Lantik -01.07.2010 Tamat - 31.08.2013 (Dipinjamkan ke MBI)	12 Bulan 23 Hari Lantik -01.09.2013 Tamat - 23.09.2014	50 Bulan 23 Hari
2	Puan Rohany Binti Dato' Talib	-	65 Bulan 23 Hari Lantik -24.03.2009 Tamat - 23.09.2014	65 Bulan 23 Hari
3	Puan Arfa'eza Binti Abdul Aziz	-	64 Bulan 23 Hari Lantik -01.05.2009 Tamat - 23.09.2014	64 Bulan 23 Hari
4	Tuan Haji Mustapha Bin Mohd Talib	24 Bulan Lantik -01.04.2008 Tamat - 31.03.2010	53 Bulan 23 Hari Lantik -01.04.2010 Tamat - 23.09.2014	77 Bulan 23 Hari
5	Puan Rahimah Binti Kamarudin	-	67 Bulan Lantik - 2.01.2009 Tamat - 23.09.2014	66 Bulan 23 Hari
6	Tuan Dr Sulaiman Bin Masri	-	65 Bulan Lantik -01.05.2009 Tamat - 23.09.2014	64 Bulan 23 Hari
7	Tuan Nazuri Bin Tuan Ismail	-	54 Bulan Lantik -15.02.2010 Tamat - 23.09.2014	54 Bulan 8 Hari
8	Encik Abdul Halim Bin Mohamed Yusof	-	50 Bulan Lantik -14.07.2010 Tamat - 23.09.2014	50 Bulan 7 Hari

Sumber:- Tarikh Pelantikan / Penamatan / Peminjaman - Surat Pelantikan / Penamatan / Peminjaman oleh Pejabat Dato' Menteri Besar Selangor / MBI / Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

3.9. Semakan kepada Enakmen Anggota Pentadbiran Dan Ahli Dewan Negeri [Saraan] 1980 mendapati kadar Elaun Saguhati bagi faedah kakitangan pejabat Ahli MMKN adalah sebanyak 17.5% daripada elaun bulanan yang akhir bagi tiap-tiap bulan perkhidmatan yang tidak terputus. Jumlah faedah ke atas caruman majikan dalam KWSP hendaklah ditolak daripada jumlah Elaun Saguhati tersebut sebelum bayaran dilakukan.

3.10. Semakan pada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2003 – Panduan Urusan Persaraan Dan Pencen, ganjaran perkhidmatan yang diterima sebagai faedah persaraan bagi penjawat awam adalah berdasarkan formula penggiraan seperti berikut :-

7.5% X Jumlah genapnya bulan perkhidmatan yang boleh dimasukkira X gaji yang akhir diterima.

3.11. Semakan pada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 – Dasar Dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak (Contract of Service), penggiraan ganjaran bagi kakitangan kontrak adalah berdasarkan formula berikut:-

Bagi pegawai yang mencarum kepada KWSP

(17.5% - peratus kadar caruman majikan dalam KWSP berdasarkan undang-undang yang berkuatkuasa) X (gaji akhir X jumlah genap bulan perkhidmatan yang boleh dimasukkira - jumlah faedah ke atas caruman majikan dalam KWSP)

**TERBUKA**

Bagi pegawai yang tidak mencarum kepada KWSP

17.5% X gaji akhir X jumlah genap bulan perkhidmatan yang boleh dimasukkira

#### 4.0. RUMUSAN AUDIT

4.1. Bayaran pampasan ini tidak dinyatakan di dalam Terma dan Syarat Perkhidmatan pada Surat Tawaran Pelantikan lapan (8) kakitangan/pegawai MBI tersebut.

4.2. Kelulusan pembayaran yang dibuat bagi bayaran pampasan sebanyak 30% daripada gaji terakhir didarabkan dengan jumlah bulan yang telah berkhidmat tersebut dan persetujuan bagi melaksanakan skim pemberhentian secara sukarela (*Voluntary Separation Scheme*)(VSS) adalah tidak mengikut tatacara dan prosedur yang betul atas sebab-sebab berikut:-

4.2.1. kelulusan pembayaran ini tidak dikemukakan kembali kepada Lembaga Pengarah MBI untuk tujuan pertimbangan dan kelulusan;

4.2.2. mesyuarat Lembaga Pengarah MBI yang bersidang pada 25 Ogos 2014 hanya memberi kelulusan dasar mengenai perkara berkaitan cadangan pembayaran ganti notis dan pelaksanaan pemberhentian secara sukarela (*Voluntary Separation*

*Scheme*)(VSS) dan telah mengesyorkan supaya dikemukakan beberapa opsyen bagi tujuan perkiraan dan pelaksanaan skim VSS tersebut dan tidak memberi sebarang kelulusan berbentuk terbuka (*open blanket*); dan

- 4.2.3. ahli-ahli Lembaga Pengarah MBI tidak termasuk Pengerusi MBI, pada bila-bila masa selepas 25 Ogos 2014, tidak pernah memberi persetujuan secara muktamad bagi pelaksanaan pembayaran yang telah dibuat kepada 8 kakitangan/pegawai yang terlibat sepertimana yang diputuskan oleh Pengerusi MBI bertarikh 22 September 2014.

4.3. Memo Ketua Pegawai Eksekutif MBI kepada Pengerusi MBI bertarikh 20 September 2014 tidak menyertakan implikasi kewangan ke atas cadangan yang dikemukakan untuk pertimbangan sewajarnya oleh Pengerusi MBI.

4.4. Semakan mendapati Ketua Pegawai Eksekutif MBI iaitu Puan Faekah Binti Haji Husin mula berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif MBI pada 01 September 2013. Sebelum itu beliau adalah merupakan Setiausaha Politik kepada YAB. Dato' Menteri Besar Selangor mulai 1 Julai 2010 dan gaji beliau dibayar oleh Kerajaan Negeri Selangor di bawah Vot B01 – Menteri Besar & Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM5,190.90 sebulan (Gaji Pokok). Justeru, jumlah bulan berkhidmat dengan MBI adalah selama 12 bulan 23 hari dan bukannya 51 bulan.

4.5. Semakan mendapati Tuan Haji Mustapha Bin Mohd Talib mula berkhidmat sebagai Setiausaha Politik MBI pada 01 April 2010. Sebelum itu beliau adalah merupakan Setiausaha Sulit kepada YAB. Dato' Menteri Besar Selangor mulai 1 April 2008 dan gaji beliau dibayar oleh Kerajaan Negeri Selangor di bawah Vot B01 – Menteri Besar & Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM3,137.48 sebulan (Gaji Pekerja Sementara/Kontrak) mulai bulan Mei 2008 sehingga Mac 2010. Justeru, jumlah bulan berkhidmat dengan MBI adalah selama 53 bulan 23 hari dan bukannya 78 bulan.

## 5.0 PENUTUP

Laporan berkenaan penemuan dan rumusan pasukan audit bagi Pengauditan Berkenaan Pembayaran Gratuiti Oleh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) Dan Anak-anak Syarikat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) dikemukakan untuk makluman dan arahan selanjutnya.



11

